



## **TEKS UCAPAN**

# **MAJLIS PERASMIAN PENYAMPAIAN DIVIDEN RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB), NEGERI SELANGOR 2008**

**OLEH**

**YB TAN SRI DATO' SERI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD TAIB**  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

DEWAN DATO' SERI (DR) HAJI ABU HASSAN  
KOMPLEKS UMNO BAHAGIAN KUALA SELANGOR  
22 DISEMBER 2008

### **SALUTATION**

1. YG.BERUSAHA PENERUSI MAJLIS
2. YG.BHG.TN.HJ.WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN DAN  
KORPORAT) RISDA MEWAKILI KETUA PENGARAH  
RISDA
3. YG. DIHORMATI EN. NASARUDIN BIN MALEK  
PENGARAH RISDA NEGERI SELANGOR
4. PEGAWAI-PEGAWAI RISDA
5. DAN TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI  
SEKALIAN.

## **ASSALAMUALAIKUM WRT**

1. ALHAMDULILLAH, SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN DIPANJATKAN KE HADRAT ILAHI KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA, DAPAT KITA BERKUMPUL DI DEWAN DATO' SERI HJ. ABU HASSAN INI UNTUK MELANGSUNGKAN MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN PESERTA RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB) NEGERI SELANGOR 2008.

3

2. SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA RISDA KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MEMBERI UCAPAN DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS PADA HARI INI.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

### **RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB)**

3. KONSEP RANCANGAN TANAM BARU BERKELOMPOK (RTBB) YANG DILAKSANAKAN OLEH RISDA INI ADALAH

4

SATU KONSEP YANG BAIK KERANA IA TELAH DAPAT MEMBANTU GOLONGAN PEKEBUN KECIL YANG TELAH MEMPUNYAI TANAH MEMILIKI SAHAM MELALUI HAK TANAM BARU (TB) DALAM LADANG RTBB. DENGAN CARA INI, MEREKA AKAN MEMPEROLEH PENDAPATAN TAMBAHAN MELALUI DIVIDEN HASIL KEUNTUNGAN SAHAM DALAM AKTIVITI PERLADANGAN.

4. LADANG RTBB TELAH MULA MENDAPAT KEUNTUNGAN MULAI TAHUN 1982. SETAKAT 31 OKTOBER 2008 DIVIDEN YANG TELAH DIBAYAR KEPADA PESERTA

5

HASIL KEUNTUNGAN LADANG RTBB ADALAH SEBANYAK RM 207 JUTA.

5. ALHAMDULLILAH, PADA HARI INI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN AKAN MENERIMA DIVIDEN DARIPADA KEUNTUNGAN LADANG RTBB. SAYA BERHARAP DIVIDEN INI DAPAT DIGUNAKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA KHUSUSNYA UNTUK MENYARA HIDUP SEHARIAN DAN SEKIRANYA ADA LEBIHAN ELOK KITA TANAMKAN SEMANGAT MENABUNG.

6

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

## **KEJATUHAN HARGA GETAH DAN SAWIT**

6. HARGA GETAH DAN SAWIT DI PASARAN KINI MENGALAMI ARAH ALIRAN KEJATUHAN HARGA YANG KRITIKAL. SEHINGGA 19 DISEMBER 2008, HARGA GETAH SMR 20 TELAH JATUH MENDADAK SEBANYAK 62% KEPADA RM 4.06/KG BERBANDING DENGAN HARGA TERTINGGI RM 10.52/KG PADA 3 JULAI 2008. MANAKALA BAGI SAWIT PULA, HARGA MSM YANG TERENDAH DALAM TAHUN 2008 SEHINGGA KINI IALAH RM1,403/MT PADA 18 NOVEMBER 2008

7

BERBANDING HARGA TERTINGGI IAITU RM4,179/MT PADA 4 MAC 2008, IAITU PENURUNAN SEBANYAK 66%. HARGA SAWIT MSM PADA 19 DISEMBER ADALAH RM1,552/MT.

6. BAGI MERINGANKAN BEBAN YANG DIHADAPI OLEH PEKEBUN KECIL, SAYA DIFAHAMKAN RISDA SEDANG MENGAMBIL BEBERAPA LANGKAH

1. BANTUAN UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI. BANTUAN BAGI PROGRAM PENINGKATAN PRODUKTIVITI GETAH (PPG) DITINGKATKAN.

- BANTUAN BAJA
- BANTUAN INPUT PERTANIAN

8

– BANTUAN LITS DAN ALAT  
RANGSANGAN

2. BANTUAN BAGI MENINGKATKAN HARGA DI  
LADANG

- MENDAPAT KADAR DISKAUN MENARIK 120.00  
SEN KE 80.00 SEN/KG SUPAYA PENDAPATAN  
PEKEBUN KECIL TIDAK TERJEJAS.
- JUALAN BERKELOMPOK DAN TERUS KE KILANG  
UNTUK MENDAPATKAN HARGA YANG LEBIH  
TINGGI.

9

- TINGKATKAN MUTU UNTUK DAPATKAN KGK  
(KANDUNGAN GETAH KERING) YANG LEBIH  
TINGGI
- PESATKAN PEMBINAAN DAN MANTAPKAN DEPO  
& PUSAT TIMBANG DAN STOR (PTS) UNTUK  
JUALAN BERKELOMPOK
- PEMROSESAN GETAH CREPE UNTUK  
DAPATKAN NILAI TAMBAH (VALUE ADDED)

## 2. MENAMBAHKAN PENDAPATAN SAMPINGAN

- MENOREH KEBUN ORANG LAIN
- AKTIVITI EKONOMI TAMBAHAN – PROJEK ,  
EKONOMI DESA (MAKANAN BERPROSES,  
KRAFTANGAN)
- TANAMAN KONTAN ( KONTAN, HERBA,  
SERAI)
- TERNAKAN(LEMBU, KAMBING,LEBAH MADU)  
KAMBING,IKAN KELI)

11

SAYA BERHARAP LANGKAH INI DAPAT MEMBANTU PEKEBUN KECIL SERBA SEDIKIT MENGATASI MASALAH KEJATUHAN HARGA GETAH DAN SAWIT. DALAM MASA YANG SAMA SAYA MINTA PEKEBUN KECIL YANG MENANAM SEMULA JUGA MENGGUNAKAN HASIL PENDAPATAN DARI JUALAN KAYU GETAH UNTUK MENAMPUNG KOS TANAM SEMULA INI.

12

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

**BANTUAN BENCANA ALAM**

7. KERAJAAN AMAT PRIHATIN ATAS MANGSA BENCANA ALAM DAN SATU LAGI USAHA YANG SEDANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN MELALUI RISDA ADALAH BANTUAN BENCANA ALAM. BANTUAN INI DIWUJUDKAN BAGI MEMBANTU PEKEBUN KECIL YANG MENGALAMI KEROSAKAN KEBUN AKIBAT BENCANA ALAM SEPERTI:-

13

- i. BANJIR
- ii. KEBAKARAN
- iii. ANGIN RIBUT
- iv. SERANGAN GAJAH
- v. WABAK PENYAKIT
- vi. KEMARAU LUAR BIASA

8. NILAI KEROSAKAN YANG DIALAMI OLEH PEKEBUN KECIL AKIBAT BENCANA ALAM AMATLAH BESAR.

14

CONTOH PADA 2006, NILAI KEROSAKAN YANG DIALAMI OLEH PEKEBUN KECIL BERJUMLAH RM4.7 JUTA MANAKALA PADA 2007, NILAI KEROSAKAN MENINGKAT KEPADA RM 13 JUTA.

9. BAGI KEBUN-KEBUN YANG MASIH DALAM BANTUAN TANAM SEMULA, PEKEBUN KECIL AKAN DIBANTU MENGGUNAKAN PERUNTUKAN RANCANGAN PEMULIHAN KEBUN (RPK). NILAI BANTUAN BERGANTUNG KEPADA PERBELANJAAN YANG DIPERLUKAN UNTUK BAIK PULIH KEBUN.

15

10. BAGI KEBUN-KEBUN YANG TELAH HABIS BANTUAN TANAM SEMULA, SAYA DIFAHAMKAN RISDA SEDANG MENGAJAI KEMUNGKINAN WANG SES DIGUNAKAN UNTUK MEMBAIKPULIH KEBUN PEKEBUN YANG TERLIBAT.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

16



## **PRODUKTIVITI KEBUN**

13. KAWASAN TANAH YANG SESUAI UNTUK DIBANGUNKAN BAGI BIDANG PERTANIAN MULAI TERHAD. KONSEP RTBB YANG DILAKSANAKAN DALAM TAHUN-TAHUN 70AN MUNGKIN TIDAK PRAKTIKAL LAGI. BEGITU JUGA DENGAN PEKEBUN KECIL YANG MEMPUNYAI KELUASAN KEBUN YANG TERHAD IAITU PURATA 2.2 HEKTAR SEORANG.

17

14. OLEH YANG DEMIKIAN, SATU TINDAKAN PRO AKTIF PERLU DIAMBIL OLEH SEMUA PIHAK BAGI MEMASTIKAN PRODUKTIVITI KEBUN SEDIA ADA DAPAT DITINGKATKAN WALAUPUN MEMPUNYAI KELUASAN TANAH YANG TERHAD SEPerti MANA PETANI DI NEGARA JEPUN DAN KOREA. PERKARA INI SEBENARNYA BOLEH DIBUAT. DALAM PENGELUARAN GETAH CONTOHNYA, WALAUPUN KELUASAN TANAMAN GETAH TELAH MENURUN DARI 1.28 JUTA HEKTAR KE 1.03 HEKTAR ANTARA TAHUN 1998 HINGGA 2007, NAMUN PENGELUARAN TEALH MENINGKAT DARI

18

0.68 JUTA MT DALAN TAHUN 1998 KE 1.13 JUTA MT  
DALAM TAHUN 2008.

15. PADA KETIKA INI PEKEBUN KECIL GETAH TELAH BERUPAYA MENGELUARKAN HASIL SEBANYAK 1,500 KG/HEKTAR/THN BERBANDING 1,100 KG/HEKTAR/THN DALAM TAHUN 1998. SAYA YAKIN PRODUKTIVITI INI BOLEH DITINGKATKAN LAGI KERANA POTENSI KLON GETAH YANG SEDIA ADA MAMPU MENGHASILKAN 2,000 KG/HEKTAR/TAHUN.

19

17. UNTUK MENINGKTKAKAN PRODUKTIVITI INI PEKEBUN KECIL PERLU MENGAMBIL TINDAKAN SEPERTI:
  - i. MEMPASTIKAN BILANGAN POKOK DITOREH SEKURANG-KURANGNYA 500 POKOK SEHEKTAR;
  - ii. MENINGKATKAN BILANGAN HARI MENOREH DARI PURATA 11 HARI KEPADA 15 HARI SEBULAN MELALUI ALAT KALIS HUJAN;
  - iii. MENGAMALKAN TEKNOLOGI RANSANGAN;

20

- iv. MEMPASTIKAN POKOK DIBERI BAJA YANG BETUL DAN SECUKUPNYA; DAN
- v. MELAKSANAKAN AMALAN PERTANIAN YANG BAIK (GOOD AGRICULTURAL PRACTICES).

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN

21

### **USAHAWAN PEKEBUN KECIL GENERASI MUDA**

- 18. PURATA UMUR PEKEBUN KECIL KINI ADALAH 56 TAHUN, DI MANA KEMAMPUAN UNTUK MENGUSAHA KEBUN SENDIRI ADALAH TERHAD. BAGI MENGATASI MASALAH INI, RISDA TELAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN KEBUN SECARA BERKUMPUL SEPERTI TANAM SEMULA BERKELOMPOK (TSB) DAN TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK).

22

19. DI DALAM KERJA PEMBANGUNAN SECARA BERKELOMPOK, SUDAH TENTUNYA IANYA MEMERLUKAN TENAGA KERJA YANG RAMAI. SAYA MENYERU KEPADA GENERASI MUDA TEMPATAN UNTUK MEREBut PELUANG INI.
20. SEKIRANYA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN MEMERLUKAN KEMAHIRAN, RISDA ADA MENYEDIAKAN KURSUS-KURSUS DI INSTITUT KEMAHIRAN PEKEBUN KECIL (IKPK) YANG ADA DI KG. AWAH PAHANG, BKT. SIREH KELANTAN DAN PADANG RENGAS, PERAK.

23

20. SETELAH MEMPEROLEHI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG MENCUKUPI, SAYA MENGESA GENERASI MUDA MENJADI USAHAWAN DALAM KERJA-KERJA PEMBAGUNAN DAN PENGELUARAN HASIL DI TSB-TSB DAN TSK-TSK.
21. DENGAN KATA-KATA ITU, SAYA DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRAHMANNIRAHIM MERASMIKAN MAJLIS PENYAMPAIAN DIVIDEN RTBB PERINGKAT NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, DIVIDEN TSK DAN ZAKAT ANAK SYARIKAT RISDA.

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WASALAMUALAIKUM.**

24